

RCI
Chedet.cc
23 August 2017
Tun Dr Mahathir Mohamad

1. Sekarang ini musim RCI (Suruhanjaya Siasatan Diraja) dan bermacam-macam siasatan yang telah disyorkan.
2. Saya mengemukakan RCI untuk peristiwa Memali. Saya punyai banyak bukti, laporan dan cerita berkenaan. Ini termasuk individu-individu yang terlibat secara langsung dan tidak langsung.
3. RCI boleh buat keputusan sebelum RCI bersidang dan Kerajaan boleh mendapat untung kerananya. Ini tentulah menjadi Terms of Reference (TOR) dizaman ini.
4. Kerajaan jangan adakan RCI berkenaan 1MDB, duit sebanyak 2.6 billion Ringgit dalam akaun Dato Seri Najib, duit KWAP yang lesap, hutang berbillion Ringgit yang tidak dapat dibayar, pembelian stesen jana elektrik dengan harga yang lebih mahal dari nilai pasaran dan dijual dengan harga murah sehingga rugi berpuluh juta, pengeluaran filem lucah Wolf of Wall Street, pembelian harta di United Kingdom (U.K) dan Amerika dengan duit 1MDB mengikut Department of Justice (DOJ). Ini semua bukan jenayah. Pembelian berlian merah jambu untuk isteri dengan harga 120 million Ringgit hanyalah kerana sayang isteri. Salahkah sayang isteri. Demikianlah sayangnya isteri sehingga sanggup curi untuk menunjuk kesayangan yang tidak terhingga ini.
5. Ya. RCI tidak perlu untuk semua ini. Bukankah A.G telah sahkan ia semua halal.
6. Tetapi banyak lagi perkara yang telah diselesai 30 tahun dahulu perlu disiasat oleh RCI. Pembinaan Menara Berkembar, Putrajaya, Cyberjaya, Lebuhraya PLUS, KLIA, Westport, dan lain-lain. Semua ini perlu disiasat dengan diketuai oleh tokoh keadilan terkenal berslogan "Just do it". Buat sahaja apa yang disuruh. Jangan soal.
7. Untuk memulakan siasatan RCI Memali saya siar di sini " Amanat Haji Hadi". Dianya ada kaitan rapat dengan peristiwa Memali. Amanat ini menggalakkan perjuangan lawan Kerajaan sebagai jihad dan kematian pejuang adalah syahid.



8. Dengan itu, pada 19hb November 1985, jam 11 pagi, pasukan polis diserang hendap (oleh orang dekat rumah Ibrahim Libya) dan seorang Inspektor dan seorang Sarjan polis dibunuh, seorang lagi Konstabel cedera parah. (Dari ucapan Pemangku Perdana Menteri di Parlimen pada 20 November 1985).

9. Yang jelas ialah polis yang terbunuh dahulu, kerana pengikut Ibrahim berjihad kononnya.

9 thoughts on "RCI"

1.



2. [Log in to Reply sibotakAug 25,2017 6:24 AM](#)

Alamak dah tak bolih lawan " Nothing to Hide "

Sekarang panggil Geng pula

Suruhan Siasatan di Raja ?

Malu amat Memalukan

Malaysia Negara yg cukup di Kurniakan Hasil Bumi oleh Allah S.W.T

Gagal menyempurnakan pemberian Allah seolah tidak mengshukuri nikmat yg di beri

Nak bangunkan Negara

Kerajaan juga Sultan perlu dana dari luar

Apa selama ni takda simpanan ke ?

Asik nak joli je , inilah akibatnya

Tak bolih bangun , jangan dipaksa

Aturkan Kuda kuda ,Generasi Muda bersiap untuk membangunkan Negara

Jangan tengok orang nak berbini dua , kita pula nak berbini tiga

Lihat Singapore

Tidak punya Hasil Bumi

Air , Minyak , Emas satu keletik pun Taddak

Kerajaan Singapura mampu membangunkkan Singapura tanpa Hutang Puitang

Dengan Bermoral dan Bermaruah Tinggi, hingga Kerajaan ,Perdana Menteri juga Sultan Malaysia tunduk pada Singa

Sekarang juga kita bolih lihat anak Melayu kian menjala Liar

Kurang Beradab ,sudah kelihatan di sukan ASEAN sekarang

Ramai sudah tidak menghiraukan undang undang

Di mana punca kesalahannya

Apakah kerana Bapak Burik Anak Lintik ?

Mari kita tanya Najib

Adakah rakyat mengikut Akhlak Pemimpin seperti Najib

Yg tidak menghormati Undang undang

Yang Tidak punya Adat , Hormat

PRU kan datang

Malaysia akan bertempuh dengan Dugaan yg Hebat

Malaysia bakal Naik atau Malaysia akan Terhumban

Jika undang undang tidak di patuhi sekarang

Di takuti Rakyat akan semakin Liar

Sudah nampak ciri ciri nya sekarang

Mereka mengambil undan undang di tangan sendiri

Rakyat sudah membantah malah melawan Polis

Jenayah meningkat , Hutang Negara Bertambah Beban

Apa masa depan Malaysia kelak

Dengan Kemasukan ramai pendatang membanjiri Malaysia

Kemanakah arah Anak Cucu kita Kelak ?

Seperti Syria ? Rohingya ?

Mak perlu pentingnya kita mempunyai Kerajaan yang juga di perhatikan oleh KeSultanan yg Bijak lagi Cekap

3.



4. [Log in to Reply](#) **nalz deen** [Aug 25,2017 1:29 AM](#)

Tidak mengapa mereka buat RCI... banyak mana RCI pun tetapi tidak boleh mengubah sejarah... mereka lupa... Semalam adalah kenangan,, Hari ini adalah kenyataan namun esok adalah HARAPAN.... moga Tun M sihat selalu...

5.

6.  [Log in to Reply](#) **asahamat** Aug 24, 2017 6:59 PM

Assalamualaikum wbt Tun

Selama ini kita banyak digegarkan oleh gerombolan PH dari kaum Adam dlm usaha mengubah sikap rakyat. Namun begitu, kekurangan masih ada. Kalau diperbaiki lagi di sana sini sinun, In Shaa Allah ketumbukan kaum Adam PH akan jadi lebih ada ummmmmnya.

(2) Saya cadangkan, PH segera tubuh ketumbukan gerakkan kaum Hawa utk memperkukuhkan gerakan menyedarkan rakyat utk bangkit bagi menyelamatkan masa depan anak cucu mereka dari malapetaka akibat sistem pengurusan Negara yg tidak amanah, bersih dan cekap kini.

(3) Saya yakin jika Wan Azizah, Nurul Izzah, Diana Sofea (?), bahkan Dr Siti Hasmah, Siti Nurhaliza, Chef Wan (pengaruh wanita dia mantap) dll jika digabung dan digerakan secara bersepadu, pasti lebih hebat PH akan dapat menembusi hati nurani rakyat utk berubah. Cubalah bawa veteran2 wanita UMNO, MCA, DAP, PAS, MIC dll yg sudah meluat dgn sistem yg ada utk sama2 membantu. Saya yakin keterlibatan mereka jika disusun dgn baik, besar kesannya. Ini juga akan jadi asas bagi keutuhan perpaduan di dalam PH.

Ayuh Tun. In Shaa Allah kita boleh!

7.

8.  [Log in to Reply](#) **adelheid** Aug 24, 2017 4:48 PM

Dear Tun,

I hope you're doing well and taking care of your health and safety. I hope likewise for Tun Siti Hasmah, and hope that those close to you your children will make doubly sure your safety is given first priority.

Tun,

Let Najib and his dictatorship government do whatever they please – they will not go far because their bad intent their malice will definitely eat them back. Even now as they think they are winning the battle they are preparing for their own burial for that boomerang they throw at you will definitely return to hit their own faces. That is for sure.

We rakyat just can't wait to cast our votes. No vote for BN. All our votes for PAKATAN HARAPAN. The more Najib's UMNO BN go berserk the more PAKATAN HARAPAN will gain strength, the more it is obvious to us how UMNO in particular is going cuckoo.

You stay strong Tun. Just remember to take real good care of your health and safety. Mukhriz, Marina, and anak-anak Tun semua serta orang-orang yang dekat dengan Tun, tolonglah pastikan please make sure that Tun's safety is first on your list.

Take care Tun Mahathir, love you Tun.

9.



10. [Log in to Reply Fariq Islam](#) Aug 24, 2017 9:38 AM

Assalamualaikum, Tun.

Gejala kerajaan memperguna agensi-agensi untuk bertindak terhadap pihak pembangkang adalah kurang sihat dan menyedihkan, seolah-olah kuasa disalah-guna untuk menganiaya.

Rakyat tidak bersetuju dan tidak dapat menerima kes-kes seperti Suruhanjaya memanggil DAP mengadakan pemilihan parti semula, memenjarakan Rafizi, LHDM mengorek fail-fail syarikat-syarikat milik anak-anak Tun dan sebagainya.

BN masih berkuasa. Buatlah polisi-polisi untuk kebajikan Rakyat. Jangan pula berfokus ke atas macam mana menganiaya pihak pembangkang melalui pelbagai saluran!

11.



12. [Log in to Reply anti rasuah](#) Aug 24, 2017 8:10 AM

Assalamualaikum Tun.

Perlu diingatkan bahawa serangan bodoh Najis a/l Razak dan kuncu-kuncunya dalam cabinet Najis sekarang ini sememangnya umpama "peluru memakan diri".

Kes Memali yang telah ada siasatan, ianya kes lama dan penglibatan banyak pihak adalah sesuatu yang tidak praktikal untuk disiasat. Macamlah Tun seorang yang buat kerja dan kesilapan diletak dibahu Tun seorang? Akan buang masa kerajaan dan lebih baik focus pada urustadbir ekonomi Negara.

Kerugian forex pada masa pemerintahan Tun juga mahu disiasat semula, juga kes lama, melibatkan banyak pihak dan sudah lapuk. Macamlah Tun seorang yang buat kerja dan kesilapan diletak dibahu Tun seorang? Akan buang masa kerajaan dan lebih baik focus pada urustadbir ekonomi Negara.

Sebenarnya usaha penjilat-penjilat Najis Razak kini seboleh-bolehnya mahu menyumbat Tun dalam penjara sebelum PRU ini kerana kelihatan AURA Tun masih hebat dan digeruni oleh Najis dan penjilatnya walaupun tiada memegang sebarang kuasa. Bagi mereka Tun adalah individu paling bahaya di dunia dan Malaysia kerana PERIUK NASI yang berterusan memerah hasil lender rakyat akan pecah kerana Tun. Tetapi mereka lupa, semuanya adalah dating dari yang maha berkuasa.

Untuk orang seperti kami untuk mereka pengaruhi tidaklah mudah kecuali ada orang seperti kamu yang sanggup menjual maruah demi rasuah.

Yang kita perlu focus adalah bagaimana PH perlu menawan hati golongan sederhana dan pendapatan rendah dan tegar menyokong kerajaan, agar PRU akan datang mereka beralih menyokong PH.

Perkara yang perlu ditekankan iaitu mengeluarkan manifesto yang menggugat BN antaranya:

1. BR1M, wajarkah ianya dikekalkan tetapi agak mustahil kerana mereka akan mendabik dada kononnya kita menyokong apa yang mereka lakukan selama ini. Ditukar pada kaedah "membantu golongan berpendapatan rendah" seperti memberi insuran berkelompok kepada yang terlibat dan sebagainya.
2. Lebuhraya Pan-Borneo dikekalkan malah diperluaskan perancangan yang menyeluruh untuk merencanakan kemajuan wilayah Sabah dan Sarawak.
3. Lebuhraya KL – Kelantan diteliti selain alternative yang lebih realistic untuk kebaikan menyeluruh rakyat khususnya mereka di Kelantan.
4. Berjanji semua rakyat adalah sama mengikut undang-undang khususnya pemimpin no 1 dan menteri-menteri lain serupa dengan rakyat akan dihadapkan ke mahkamah jika ada bukti menyalah guna kuasa dan rasuah. Ternyata kuasa AG adalah manusia paling "sial" dalam hal ini.
5. Memerangi rasuah tanpa memilih bulu.

Dan banyak lagi.

Wassalam Tun.

13.



14. [Log in to Reply whacko](#) [Aug 24, 2017 12:03 AM](#)

Salam sejahtera untuk Tun dan sekeluarga,

Ini adalah sedikit pandangan peribadi saya.

Masa kian menghampiri PRU 14. Kebelakangan ini sokongan rakyat untuk BN sudah menjadi kalangkelibat dengan serangan masaalah 1MDB. Sekiranya BN membiar asakan ini berterusan, BN berkemungkinan besar akan kalah.

Jadi bagi pihak BN, bagaimanakah hendak meredakan kemaraan ini?

Mudah, kumpulkan segala kekuatan yang ada termasuk media, dan buatlah serangan bertubi-tubi bagi mengalih perhatian rakyat dan memesongkan mereka dari mengingati kesalahan penyelewengan yang telah belaku. Ungkitlah cerita2 lama kerana kebenaran tak mustahak, tetapi dengan memecahkan tumpuan pemikiran rakyat dan dengan sedikit sogokan Dedak, Melayu akan mudah lupa. Dan pada masa itu lah yang terbaik untuk mengadakan PRU 14.

Sekarang, kita dapati rancangan mereka sudah hampir berjaya. Rakyat dah mula sibok dengan RCI atau sukan SEA. Keresahan kenaikan harga barang dapat di tutup sementara dengan pemberian Dedak. Tun terpaksa melayan kerenah panggilan RCI, Rafizi dengan kes mahkamah nya, Azmin dan President masih mengharap belas kesian PAS yang berkemungkinan akan menjadi duri dalam daging, DAP tidak mempunyai kekuatan untuk mempengaruhi orang melayu – PH sudah mula hilang fokus.

Sekiranya pendapat ini benar, saya pasti TUN dan PH lebih tahu apa yang patut dilakukan.
Terima kasih

15.



16. [Log in to Reply milshah](#) Aug 23, 2017 10:37 PM

Assalamualaikum Tun,

Menjelang PRU 14, maka sekarang musim RCI telah tiba. Mula-mula RCI forex 1997 dan sekarang hendak RCI isu memali pula. Mengapakah baru sekarang nak timbulkan isu-isu lama ini? Bukankah mereka-mereka dulu sebahagian daripada kerajaan Tun atau dari parti Tun ketika perkara ini berlaku? Masa Tun menjadi PM bukan main lagi taat setia, menangis merayu supaya Tun tidak letak jawatan. Sekarang semua Tun buat salah? Ikhhlaskah RCI ini atau ada agenda lain?

Kalau benar nak buat RCI, RCI jugalah mengapa Hang Tuah bunuh Hang Jebat. RCI jugalah sebab-sebab Melaka ditawan Portugis pada tahun 1511. Saya rasa selepas RCI-RCI ini selesai, semua akan menjadi pakar sejarah.

Tujuan RCI-RCI ni hanyalah satu. Sebagai "diversion strategy" untuk mengalihkan pandangan rakyat daripada skandal 1MDB kepada isu-isu lama dan bersejarah. Bukan simpati atau kesian atau apa-apa. Mereka hendak rakyat berhenti berbicara pasal 1MDB dan cerita pula pasal RCI-RCI. Tu je.

Kita lihat kepandaian rakyat, adakah termakan umpan untuk cerita berkenaan RCI-RCI kisah lama ataupun skandal 1MDB yang sedang melanda negara, menyebabkan negara berhutang berbillion-billion, kecurian berbilion oleh perompak, penyamun dan penyangak, meningkatkan kos sara hidup dan membuatkan rakyat sengsara.

17.



18. [Log in to Reply rimba.emas](#) Aug 23, 2017 10:15 PM

Salam Tun.

1. Adakah bila dapat menyalahkan Tun melalui RCI maka dosa PM dapat di hapuskan ?
2. Adakah usaha ini satu jalan dapat menjamin kemenangan pihak pemerintah pada Pru 14 nanti ?
3. Jawapan kepada dosa atau pahala adalah pada tuhan yang di sembah.
4. Sementara kemenangan untuk Pru 14 bukanlah bergantung kepada Tun seorang sahaja. Sebaliknya semua rakyat Malaysia yang akan keluar mengundi.
5. Bukan Tun yang akan menentukan kemenangan pada kebenaran tetapi bicara yang di sampaikan Tun kepada rakyat.

6. Semua yang di ceritakan Tun bukannya rekaannya tetapi dari pihak lain contoh salah satunya dari pihak DOJ berkenaan salah laku pentadbir 1MDB.
7. Kebenaran tetap akan menang kalau pun tidak di dunia ia akan berlaku di akhirat.
8. Cuma di dunia kemenangan kepada kebenaran memerlukan sokongan rakyat. Rakyat kena ingat dengan tuhan kita ada hubung kait antara dosa dan pahala.
9. Kalau kita undi untuk kebenaran maka pasti mendapat pahala. Jadi kalau kita niat untuk keluar juga mengundi untuk memenangkan kebenaran pasti kita di beri pahala walau pun tidak menerima habuan wang ringgit.
10. Justeru RCI yang tidak bebas dari mainan Politik bukanlah jalan untuk mendapatkan kebenaran.
11. Manusia di minta menegakkan kebenaran dengan melaksanakannya sebagai amalan yang akan di nilai kembali oleh yang maha berkuasa.

Wallahua'lam.

© 2017 Chedet — All Rights Reserved.

Source: <http://chedet.cc/?p=2595>